

**Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Kesan Trend *Sharenting*
Kepada Kanak-kanak di Lembah Klang, Malaysia**
*Level of Parents' Knowledge on The Impact of Sharenting Trend towards
Children in Lembah Klang, Malaysia*

Abdul Muaz bin Mustaffa & Nurbazla Ismail[✉]

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Perkembangan teknologi masa kini membolehkan masyarakat berkongsi kehidupan seharian di media sosial terutamanya berkaitan kanak-kanak. Fenomena perkongsian berlebihan mengenai kanak-kanak dikenali sebagai *sharenting*. Perkara ini dapat diperhatikan melalui kumpulan Facebook “Anak Sepahkan Apa Hari Ini” yang disertai oleh ibu bapa Muslim untuk berkongsi mengenai anak-anak. Ibu bapa bebas untuk berkongsi perbuatan yang dilakukan oleh anak mereka di media sosial. Amalan ini menunjukkan ibu bapa berkongsi maklumat tentang anak-anak tanpa memikirkan implikasi terhadap hak dan privasi anak mereka. Walau bagaimanapun, perkara ini belum dikaji secara ilmiah untuk mengetahui sejauhmana ibu bapa mengetahui dan sedar akan kesan perbuatan tersebut. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap pengetahuan ibu bapa terhadap kesan *sharenting* terhadap kanak-kanak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan pengumpulan data melalui analisis dokumen dan soal selidik yang diedarkan secara atas talian menggunakan Google Form kepada 60 responden di sekitar Lembah Klang, Malaysia. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 30.0 dan dipersembahkan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan ibu bapa terhadap kesan negatif *sharenting* mencapai min keseluruhan 4.59 iaitu pada tahap tinggi. Ini menunjukkan ibu bapa tahu dan sedar bahawa *sharenting* memberi kesan negatif kepada kanak-kanak meskipun trend ini terus meningkat di media sosial. Sehubungan itu, pemantauan daripada pihak berkepentingan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak, SUHAKAM amat diperlukan khususnya melalui kempen kesedaran dan penyebaran infografik bagi mengelakkan implikasi negatif seperti gangguan privasi, buli siber dan masalah psikologi terhadap kanak-kanak.

KATA KUNCI

kesan trend *sharenting*, kanak-kanak, pengetahuan ibu bapa, media sosial, Lembah Klang

ABSTRACT

The development of modern technology has enabled society to share aspects of daily life on social media, particularly regarding children. The phenomenon of excessive sharing about children is known as sharenting. This can be observed for example, in the Facebook group “Anak Sepahkan Apa Hari Ini” which was joined by Muslim parents to share about their children. Parents are able to post about their kids' behavior on social media. This behavior demonstrates how parents disclose information about their kids without thinking about how it can affect their rights and privacy. However, this issue has not been thoroughly examined to determine the extent to which parents are aware of its consequences. Therefore, this study was conducted to assess parents' level of knowledge on the impact of sharenting towards children. The study employed a quantitative approach with data collected through document analysis and online questionnaires distributed via Google Forms to 60

Article History

Received: Oct 9, 2025

Revised: Nov 12, 2025

Accepted: Dec 8, 2025

Published: Dec 15, 2025

✉ Contact

Nurbazla Ismail (Corresponding Author) nurbazla@ukm.edu.my

Quote

First author/correspondent name, first author name & first author's name. 2024. Long Title Written Here. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 10(2): 62-70.

Copyright

© 2025 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

respondents in the Klang Valley, Malaysia. Data were analyzed using SPSS version 30.0 and presented descriptively. The findings revealed that parents' level of knowledge on the negative impact of sharenting achieved an overall mean score of 4.59 which falls within the high category. This demonstrates that parents know and aware that sharenting affects children's rights, even though the trend continues to grow on social media. Accordingly, monitoring by relevant stakeholders such as the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) and the Office of the Children's Commissioner, SUHAKAM is necessary, particularly through awareness campaigns and targeted infographics to prevent negative implications such as privacy invasion, cyberbullying, and psychological issues among children.

KEYWORDS

impact of the sharenting trend, children, parents' knowledge, social media, Klang Valley.

PENGENALAN

Pandemik Covid-19 telah membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia yang menghadkan kebebasan pergerakan rakyat. Halangan tersebut telah menjadikan seisi keluarga lebih banyak meluangkan masa di rumah dan menggunakan media sosial sebagai platform perkongsian kehidupan bersama pengikut sesuai era moden kini.

Kebanyakan ibu bapa daripada generasi ini, turut tidak melepaskan peluang dan lebih mengutamakan media sosial dalam segala hal untuk berkongsi berkaitan keluarga terutamanya anak-anak sehingga menimbulkan ketidakelesaan kepada mereka. Kekerapan perkongsian sebegini adalah dinamakan sebagai budaya sharenting yang merupakan kata gabungan daripada sharing dan parenting iaitu fenomena perkongsian foto dan video anak-anak serta maklumat pengenalan diri yang lain oleh ibu bapa dalam akaun media sosial mereka sendiri. Saban waktu, fenomena ini kini semakin meningkat. (Anis Shuhaiza et al. 2024).

Hal ini telah menimbulkan persoalan kepada pengkaji iaitu adakah ibu bapa sedar dan tahu akan kesan perbuatan mereka terhadap kanak-kanak kerana perkara ini amat berkait rapat dengan hak kanak-kanak yang perlu dijaga terutamanya oleh penjaga mereka sendiri. Melalui pemerhatian di laman media sosial, dapat dilihat bahawa terdapat ibu bapa yang kurang mengambilkira aspek keselamatan anak-anak mereka. Ada kalanya mereka turut menonjolkan kawasan sekitar rumah sekali gus membuka ruang kepada individu yang berniat jahat untuk mengambil kesempatan dan melakukan perkara yang tidak diingini terhadap keluarga mereka.

Satu pemerhatian di laman sosial Facebook telah dibuat oleh Anis Suhaiza et al (2024) iaitu berkaitan kewujudan sesetengah kumpulan dalam media sosial contohnya, kumpulan "Anak Sepahkan Apa Hari Ini" yang popular dalam kalangan pengguna Facebook dan

pada masa yang sama menggalakkan ibu bapa di Malaysia berkongsi secara aktif tentang keletah serta ragam anak masing-masing sepanjang waktu pandemik perlu diberikan perhatian. Perbuatan berkongsi seumpama ini dikenali sebagai sharenting (Latipah et al. 2020). Pemerhatian Anis Shuhaiza et al (2024) juga mendapati bahawa terdapat dua kelompok utama iaitu satu kumpulan yang sedar akan bahaya perkongsian berlebihan lalu menasihati agar ia dipadamkan manakala kumpulan lain menganggap perkongsian tersebut sekadar hiburan dan kenangan membesarkan anak.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa sesetengah masyarakat tidak mengambil berat dan tidak tahu berkaitan kesan perbuatan sharenting tersebut kepada anak-anak mereka terutamanya bagi yang masih bergelar kanak-kanak. Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian ini dengan berteraskan kepada persoalan utama iaitu apakah tahap pengetahuan ibu bapa terhadap kesan negatif trend sharenting kepada hak kanak-kanak.

KONSEP SHARENTING DAN KANAK-KANAK

Pada asasnya, istilah sharenting belum wujud dalam mana-mana kamus termasuklah Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka kerana ia bukanlah bahasa harian masyarakat khususnya di Malaysia yang masih belum cakna dengan istilah ini. Steven Leckart dipercayai merupakan individu terawal yang memperkenalkan perkataan sharenting, iaitu kombinasi daripada perkataan oversharing dan parenting (Amira dan Diana 2020).

Steinberg (2016) mendefinisikan istilah sharenting adalah berasal daripada perkataan 'share' dan 'parenting' iaitu berkongsi dan keibubapaan yang merujuk kepada perkongsian maklumat tentang kehidupan anak-anak mereka di atas talian oleh kebanyakan ibu bapa. Steven Leckart, iaitu seorang penulis bagi artikel yang bertajuk The Facebook-Free Baby bertarikh 12 Mei 2012 dalam The Wall Street

Journal, ada menyebut bahawa “oversharenting” merupakan perlakuan ibu bapa yang berkongsi terlalu banyak maklumat dan gambar anak-anak mereka secara dalam talian melalui media sosial (Leckart 2012).

Secara ringkasnya, sharenting ini adalah merupakan tindakan ibu bapa dalam berkongsi maklumat anak-anak secara keterlaluan sehingga mendedahkan maklumat peribadi anak-anak tersebut dan terma ini telah digunakan untuk menekankan perbuatan berkongsi secara berlebihan. Definisi yang hampir serupa turut dikemukakan oleh Kamus Macmillan iaitu ia mendefinisikan sharenting sebagai suatu terma yang digunakan untuk menggambarkan keadaan penggunaan media sosial yang berlebihan oleh ibu bapa untuk berkongsi maklumat peribadi anak-anak mereka seperti nama, tempat tinggal, umur, tarikh lahir dan jantina. Definisi yang diberikan oleh Davis et al. (2015) pula juga sama dengan penyelidik yang lain iaitu sharenting atau oversharenting adalah ketika memberikan informasi mengenai anak seseorang secara atas talian dan memberikan terlalu banyak informasi tentang anak seseorang secara terus-menerus.

Bagi konsep kanak-kanak pula, Islam mentakrifkan kanak-kanak sebagai seorang yang masih belum mencapai akil baligh. Pelbagai istilah yang dikaitkan dengan makna kanak-kanak ini, dan jika berpandukan kepada kitab-kitab fiqh, antara takrifan yang sering digunakan adalah sabiy, ghulam dan saghir bagi kanak-kanak lelaki, dan bagi kanak-kanak perempuan pula adalah sabiyah, jariyah dan saghirah. Menurut Abu Haitsam mengatakan anak adalah perkataan thifl yang memberi maksud sejak ia lahir dari kandungan ibunya hingga ia baligh. Menurut Al-Syaukani (2002), kanak-kanak atau al-tifl menurut Islam dikaitkan dengan istilah al-sighar iaitu tempoh yang dikaitkan dengan seseorang semenjak kelahirannya sehinggalah dia bermimpi (baligh). Terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Alibin Abi Talib r.a dan Aishah r.a. bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

رفع القلم عن ثلاث: عن النائم حتى يستيقظ، وعن الصغير حتى يكبر، وعن المجنون حتى يعقل أو يفيق

“Tiga orang yang tidak dikira sebagai tanggungjawab ke atas perbuatannya iaitu seorang yang tidur sehingga dia sedar daripada tidurnya, seorang kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh) seorang yang gila sehingga dia siuman.” (Riwayat Abu Daud, 4398)

Hadis di atas memberikan penjelasan bahawa orang yang masih di bawah umur baligh atau yang belum dewasa adalah dikatakan sebagai kanak-kanak. Maka, kanak-kanak seperti ini lah yang menjadikan sharenting sebagai suatu isu yang penting apabila perkongsian berlebihan itu adalah melibatkan kanak-kanak mengikut tafsiran tersebut. Hal ini adalah

kerana selagi seseorang itu masih bergelar sebagai seorang kanak-kanak, hak-hak mereka perlulah dipenuhi sesuai dengan perintah Allah SWT yang memerintahkan ibu bapa untuk menunaikan hak kanak-kanak itu kerana mereka itu adalah amanah yang diturunkan oleh Allah SWT.

KESAN NEGATIF TREND SHARENTING KEPADA KANAK-KANAK

Masyarakat di seluruh dunia sekarang sudah semakin cakna dan berhati-hati dengan kecanggihan teknologi yang berkembang pesat dan maju dalam kalangan generasi kini. Hal ini kerana setiap perkara yang berlaku sudah pasti akan ada kebaikan dan keburukannya. Tambahan pula, teknologi yang diwujudkan sekarang ini adalah hasil buatan manusia yang semestinya wujud kelompokan-kelompokan di dalamnya. Dalam dunia siber yang semakin berkembang sudah semestinya ia turut membawa kesan-kesan negatif kepada pengguna Internet (Muhammad Adnan Pitchan et al. 2017). Sebagai contoh terdekat yang boleh diambil adalah teknologi internet. Dengan menggunakan internet, pelbagai hasrat dan tujuan dapat dicapai samada baik atau buruk berikutan semuanya hanya berada di hujung jari.

Oleh yang demikian, budaya sharenting yang diamalkan oleh golongan ibu bapa kini sudah pastinya menggunakan internet sebagai medium untuk budaya ini dilaksanakan. Trend ini tidak akan wujud sekiranya tiada capaian yang memudahkan iaitu internet. Maka dengan itu, pasti akan wujud kesan-kesan negatif daripada pengamalan trend ini sehingga boleh mengancam keamanan dan keselamatan serta kesejahteraan kanak-kanak tersebut.

a) Membuka ruang untuk timbul perasaan hasad dengki

Antara impak daripada perbuatan sharenting ini adalah ia membuka ruang dan boleh menimbulkan perasaan hasad dan dengki dalam diri sesiapa sahaja yang melihatnya.

b) Menyebabkan keselamatan kanak-kanak terancam

Selain itu, perbuatan sharenting ini boleh menyebabkan keselamatan kanak-kanak tersebut diancam. Ibu bapa yang sepatutnya menjadi ejen utama memberikan kesedaran tentang keselamatan siber kepada anak-anak, kini menjadi faktor penyumbang kepada ancaman siber terhadap anak-anak (Anis Suhaiza 2019). Sekiranya dilakukan perkongsian tentang identiti anak-anak dengan terlalu spesifik, maka ia mampu memberi peluang kepada mana-mana pihak yang berniat jahat untuk melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya seperti kecurian identiti dan sebagainya.

Malah, dengan adanya teknologi yang canggih pada masa kini, segala maklumat yang dikongsi secara

langsung adalah mudah untuk diakses oleh sesiapa sahaja. Akibatnya, hak privasi kanak-kanak boleh diceroboh seterusnya menjadi mangsa siber. Maklumat-maklumat tersebut juga boleh disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seperti menyamar menggunakan identiti mangsa atau suara mangsa dan sebagainya. Bahkan, elemen multimedia yang dipersembahkan di laman web bukan sahaja boleh dilihat atau ditonton tetapi boleh juga dimuat turun dengan mudah dan disebarkan dengan pantas melalui e-mel (Nor Azah Abdul Aziz 2009). Shmueli (2010) mengatakan wujud pelbagai kajian tentang kesan perkongsian maklumat dan reaksi undang-undang terhadap keselamatan dan hak privasi individu yang dilakukan oleh pihak luar. Hal ini menunjukkan bahawa isu ini mendapat perhatian oleh pelbagai pihak berkaitan perkongsian maklumat secara berlebihan di media sosial akan memberikan kesan negatif terhadap keselamatan serta hak privasi individu.

c) Menyumbang kepada masalah sosial

Selain itu, perkongsian maklumat atau segala perkara berkaitan kanak-kanak juga boleh menyumbang kepada masalah sosial yang semakin parah dalam kalangan masyarakat kini. Masalah sosial yang dapat dikaitkan antaranya ialah jenayah seksual. Pada era yang serba canggih ini, wujudnya golongan yang dinamakan sebagai pedofilia yang merujuk kepada golongan dewasa yang suka terhadap kanak-kanak dari segi seksualnya. Pedofilia didefinisikan dalam Kamus Dewan Bahasa edisi Keempat sebagai keinginan mengadakan hubungan seks dengan kanak-kanak. Oleh yang demikian, dengan berlakunya amalan sharenting ini, ia sebenarnya membolehkan golongan-golongan tersebut menjalankan niat jahat mereka. Berbekalkan segala maklumat dan perkongsian yang dilakukan oleh ibu bapa, mereka boleh mengakses gambar yang dikongsi oleh ibu bapa, memuat turun, mengubah, dan kemudiannya dikongsi dalam laman web yang biasa digunakan oleh pedofilia (Stacey 2017). Disamping itu, jenayah penculikan juga boleh terjadi seandainya budaya sharenting ini diteruskan lagi. Perkara ini dapat diperhatikan apabila ibu bapa terlalu seronok dalam berkongsi perihal anak-anak sehinggalah hal-hal peribadi anak-anak tersebut juga dikongsi seperti maklumat sekolah dan sebagainya. Berbekalkan maklumat-maklumat penting itu, penjenayah mudah untuk mencari seterusnya menculik kanak-kanak tersebut pada waktu-waktu tertentu.

d) Membolehkan aktiviti pengeksploitasian kanak-kanak berlaku

Selain daripada itu, pembudayaan trend sharenting ini berkemungkinan besar membolehkan aktiviti pengeksploitasian kanak-kanak berlaku. Sharenting merupakan fenomena yang boleh membawa kepada eksploitasi kanak-kanak di media sosial (Salsabila &

Nindita Fajria 2023). Berikutan perkongsian secara berlebihan tentang kanak-kanak, maka ia akan menarik perhatian kepada pihak-pihak daripada bidang pemasaran bagi mengambil kanak-kanak tersebut sebagai model atau penarik perhatian terhadap produk mereka. Apabila berlakunya sedemikian, secara tidak langsung ia mendorong kanak-kanak tersebut untuk bekerja pada usia yang tidak sepatutnya. Hal ini menjadi suatu kesalahan apabila menjadikan kanak-kanak sebagai bahan untuk memperoleh keuntungan dan sebagainya. Kanak-kanak tidak boleh bekerja tetapi harus mendapat bantuan khas daripada ibu bapa mereka, supaya anak-anak dapat melalui tempoh perkembangan mereka sepenuhnya dan sihat (Salsabila & Nindita Fajria 2023). Kanak-kanak pada usia sedemikian seharusnya menjalani kehidupan mereka sepertimana kebiasaan kanak-kanak supaya pertumbuhan kanak-kanak seiring dengan umumnya dan bukanlah matang daripada usia.

e) Memberi kesan kepada psikologi kanak-kanak yang menjadi mangsa budaya sharenting

Sharenting boleh memberikan kesan buruk kepada psikologi kanak-kanak apabila meningkat dewasa, terutamanya apabila perkongsian yang dibuat adalah berkaitan maklumat peribadi yang negatif seperti masalah kesihatan, pembelajaran, perlakuan dan perkara yang memalukan mereka (Anis Suhaiza 2019). Psikologi kanak-kanak akan terkesan terutamanya apabila perkara yang dikongsi oleh ibu bapa di dalam sosial media mereka adalah suatu hal yang dirasakan memalukan mereka sehingga menyebabkan mereka menjadi mangsa buli dan dipersenda di sekolah dan sebagainya. Hal ini boleh mengakibatkan kanak-kanak tersebut akan hilang keyakinan diri dan tidak tahu untuk menghargai diri sendiri berpunca daripada perkongsian ibu bapa berkaitan kehidupan mereka. Malahan, ada sesetengah ibu bapa berkongsi tentang anak-anak mereka berkaitan hal-hal yang negatif sehingga memberi tanggapan buruk kepada mereka yang telah melihat perkongsian tersebut.

KESAN NEGATIF TREND SHARENTING MENURUT ISLAM

Di dalam Islam, ia disebut sebagai penyakit 'ain. Penyakit ini bukanlah seperti penyakit fizikal atau rohani yang difahami oleh segenap masyarakat. Namun, ia merupakan suatu penyakit yang datangnya daripada manusia melalui pandangan mata. Abū al-Faḍl Aḥmad ibn Hajar al-'Asqalānī menyatakan bahawa penyakit 'ain adalah merupakan penyakit yang datang daripada pandangan mata yang disertai kekaguman serta sifat hasad kerana memiliki tabiat jahat dan menyebabkan orang yang dipandang itu mendapat kemudaratan (Khadzali & Ahmad 2020). Dengan kata lain, manusia yang terkena penyakit ini akan mendapat kemudaratan serta musibah dengan

hanya melalui pandangan mata yang mempunyai hasad atau kekaguman yang tidak bersandarkan kepada Allah swt.

Malah, penyakit ini juga boleh terjadi dengan hanya melihat medium perantaraan seperti gambar atau video. Hal ini seiring dengan perbuatan yang dilakukan oleh kebanyakan ibu bapa pada hari ini iaitu budaya sharenting ini yang mana mereka memaparkan gambar-gambar atau video-video berkaitan anak-anak mereka. Menurut Ibn al-Qayyim rahimullah menjelaskan, “Jiwa orang yang menjadi punca ‘ain boleh menyebabkan penyakit ‘ain tanpa perlu melihatnya. Kadang-kadang ada juga orang buta yang diberitahu tentang sesuatu, dan jiwanya boleh menyebabkan penyakit ‘ain, walaupun mereka tidak melihatnya. Terdapat banyak punca ‘ain yang boleh menjadi punca ‘ain, hanya dengan bercerita tanpa melihatnya secara langsung”. Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa perkongsian gambar atau video anak-anak secara berlebihan mampu membuka ruang untuk terjadinya penyakit ‘ain yang didasari oleh penyakit hati iaitu hasad dan dengki. Khadzali and Ahmad (2020) menyatakan bahawa penyakit ‘ain terhasil daripada jiwa-jiwa yang penuh dengan hasad ataupun jiwa-jiwa yang penuh ketakjuban terhadap sesuatu nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada makhlukNya dan daripada itu terhasillah kemudahan yang berbahaya kepada orang yang diberikan nikmat tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan pendedaran soal selidik serta analisis dokumen. Instrumen utama kajian ialah soal selidik yang diedarkan secara dalam talian melalui Google Form selama empat minggu kepada 60 orang responden. Responden adalah terdiri daripada ibu bapa yang telah mempunyai anak, merupakan pengguna media sosial dan menetap di sekitar Lembah Klang, Malaysia.

Pemilihan Lembah Klang sebagai lokasi kajian adalah berasaskan kedudukannya yang strategik, merangkumi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta daerah-daerah di Selangor seperti Petaling, Gombak, Klang, Hulu Langat, Sepang, dan Kuala Langat. Kawasan ini, yang terletak di tengah-tengah Selangor dan Kuala Lumpur, memiliki kelebihan sebagai sebuah kawasan bandar yang dilengkapi dengan rangkaian internet yang lebih baik berbanding kawasan luar bandar.

Selain itu, gaya hidup penduduk Lembah Klang yang aktif menggunakan media sosial menjadikan kawasan ini pilihan yang tepat untuk mendapatkan responden yang sesuai dengan objektif kajian. Pemilihan lokasi ini bukan sahaja praktikal, malah sejajar dengan keperluan penyelidikan yang melibatkan soal selidik dalam talian. Di samping itu juga, berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu berkaitan tajuk ini, didapati belum ada kajian serupa yang dijalankan di kawasan ini menjadikannya peluang unik untuk menyumbang

kepada bidang penyelidikan tersebut. Bilangan responden dihadkan kepada 60 orang sahaja disebabkan oleh kekangan masa yang singkat dimana kajian ini perlu disiapkan dalam tempoh empat minggu sahaja. Oleh itu, jumlah responden ini dipilih dengan teliti bagi memastikan hasil kajian yang relevan dan berkualiti dalam masa yang ditetapkan. Fokus bagi kajian ini juga adalah kepada golongan yang sudah berkahwin dan mempunyai anak iaitu mereka yang telah bergelar sebagai ibu bapa. Maka, golongan yang belum berkahwin seperti kanak-kanak mahupun remaja tidak diambil kira serta tidak difokuskan bagi kajian ini.

Soal selidik dibina dalam dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A menumpukan kepada demografi responden merangkumi umur (20 tahun ke atas), tempat tinggal (daerah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), bilangan anak dan media sosial yang digunakan. Bahagian B pula menilai tahap pengetahuan ibu bapa mengenai kesan trend sharenting terhadap hak kanak-kanak. Bagi penilaian dalam setiap bahagian ini, skala Likert lima mata digunakan untuk memperoleh data bagi bahagian B dalam soal selidik. Skala likert adalah skala pengukuran yang dikembangkan oleh Likert (1932). Skala-skala tersebut ialah skor 1 hingga 5 di mana Skor 1 digunakan untuk skala sangat tidak setuju, skor 2 untuk skala tidak setuju, skor 3 untuk skala kurang setuju, skor 4 untuk skala setuju dan skor 5 untuk skala sangat setuju. Berdasarkan skala tersebut, ia memerlukan responden memilih salah satu daripada skor berdasarkan petunjuk yang diberikan dalam borang soal selidik.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dengan bantuan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 29.0 bagi memudahkan proses analisis. Tujuan utama soal selidik ini adalah untuk mengukur sejauh mana pengetahuan ibu bapa tentang implikasi sharenting terhadap kanak-kanak.

Berdasarkan soal selidik yang diedarkan, pengkaji menerima maklum balas daripada 60 responden yang merupakan ibu bapa berkahwin, mempunyai anak, menggunakan media sosial dan tinggal di sekitar Lembah Klang. Data demografi menunjukkan majoriti responden berumur antara 31–40 tahun (41.7%) dan 41 tahun ke atas (40%), manakala dari segi lokasi, responden tertinggi berasal dari Kuala Lumpur (25%) diikuti Sepang (21.7%) dan Hulu Langat (20%). Kebanyakan responden mempunyai dua orang anak (40%), manakala dari segi penggunaan media sosial, platform paling banyak digunakan ialah WhatsApp (95%), Facebook (91.7%), Instagram (85%) dan TikTok (83.3%), dengan minoriti menggunakan Twitter (28.3%), Threads (25%) dan Telegram (3.3%).

Dapatan demografi ini selari dengan pandangan Rida ul Maghfiroh (2023) bahawa generasi millennial (20–39 tahun) merupakan golongan paling aktif, di mana 36 responden kajian ini berada dalam lingkungan umur tersebut. Hal ini juga bertepatan

dengan kajian Putu Inten Kurniari et al. (2021) yang menyatakan bahawa sharenting kebanyakannya diamalkan oleh ibu bapa millennial yang terbiasa dengan media sosial. Selain itu, data penggunaan media sosial responden turut konsisten dengan laporan Data Reportal Kemp (2024) yang mengenal pasti WhatsApp, Facebook, Instagram dan TikTok sebagai platform paling popular di Malaysia, serta kajian Conti et al. (2024) yang menegaskan Facebook, Instagram dan Twitter (X) sebagai medium utama sharenting reporting ethics.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian bahagian A menunjukkan data-data yang diperoleh daripada 60 orang responden yang telah menjawab soal selidik bagi kajian ini. Responden-responden ini dipilih kerana mempunyai ciri-ciri responden yang diperlukan oleh pengkaji iaitu merupakan seseorang yang telah berkahwin dan mempunyai anak, menggunakan media sosial dan juga merupakan penduduk di sekitar Lembah Klang.

Bagi item 1 berkaitan kumpulan umur responden, terdapat 25 orang responden yang berumur di antara 31 - 40 tahun (41.7%), seramai 24 orang responden adalah daripada kumpulan umur 41 tahun (40%) dan bagi kumpulan umur 21 - 29 tahun ialah seramai 11 orang (18.3%).

Bagi item seterusnya iaitu item ke-2 berkaitan tempat tinggal responden, terdapat 15 orang daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (25%) dan seramai 13 orang responden adalah daripada mereka yang tinggal di Daerah Sepang (21.7%). Selain itu, responden yang menetap di daerah Hulu Langat adalah seramai 12 orang responden (20%). Selain itu, seramai 11 responden adalah dari daerah Petaling (18.3%), 6 orang responden dari Daerah Klang (10%) dan diikuti daerah Gombak seramai 3 orang responden (5%).

Antara item lain yang disoal pada bahagian demografi responden adalah berkaitan bilangan anak responden. Seramai 24 orang responden mempunyai 2 orang anak (40%) dan 11 orang responden mempunyai 4 orang anak (18.3%). Manakala terdapat hanya seorang responden yang mempunyai 8 orang anak (1.7%).

Item yang terakhir adalah berkaitan media sosial yang digunakan oleh responden. Seramai 50 orang responden mempunyai aplikasi Tiktok (83.3), dan bagi aplikasi Instagram, seramai 51 orang responden mempunyainya (85%). Selain itu, aplikasi Facebook mempunyai seramai 55 orang responden (91.7%) dan seramai 57 orang responden mempunyai aplikasi Whatsapp (95%). Bagi aplikasi Twitter pula, seramai 17 orang responden mempunyainya (28.3%) dan aplikasi Threads mempunyai 15 orang responden (25%). Akhir sekali, media sosial Telegram mempunyai 2 orang responden (3.3%).

Hasil kajian bahagian B berkenaan tahap pengetahuan ibu bapa terhadap kesan sharenting kepada kanak-kanak didapati adalah tinggi. Ia menunjukkan mereka tahu dan sedar akan wujudnya

kesan daripada perbuatan tersebut. Hal ini diperhatikan melalui hasil dapatan kajian dengan menggunakan jadual interpretasi Skor Min yang dikemukakan oleh Nunnally dan Bernstein (1994) dalam mendapatkan tahap pengetahuan ibu bapa iaitu skor min 1.00 hingga 2.00 adalah di kategori sebagai rendah, skor min 2.01 hingga 3.00 adalah sederhana rendah, skor min 3.01 hingga 4.00 adalah sederhana tinggi dan akhir sekali skor 4.01 hingga 5.00 dikategorikan sebagai tinggi

Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Kesan Trend Sharenting Kepada Kanak-Kanak

Sebanyak 11 item telah dibina dalam soal selidik berkaitan kesan trend ini terhadap hak kanak-kanak. Jadual berikut memaparkan dapatan kajian dalam bentuk taburan min, kekerapan, peratusan serta tahap pengetahuan ibu bapa bagi bahagian ini.

Jadual 1: Dapatan Kajian Bahagian B

Bil.	Item	1 (Bil) (%)	2 (Bil) (%)	3 (Bil) (%)	4 (Bil) (%)	5 (Bil) (%)	Min	Tahap
1.	Saya tahu bahawa <i>Sharenting</i> boleh membuka ruang kepada penyakit 'ain iaitu penyakit hasad dan dengki.	-	-	8 (13.3)	13 (21.7)	39 (65.0)	4.52	Tinggi
2.	Saya tahu bahawa penyakit 'ain berpunca daripada hasad dan ketakjuban jiwa terhadap nikmat-nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.	1 (1.7)	1 (1.7)	2 (3.3)	13 (21.7)	43 (71.7)	4.60	Tinggi
3.	Saya tahu bahawa <i>sharenting</i> boleh mengancam keselamatan kanak-kanak seperti kecurian identiti, penyalahgunaan maklumat dan pencerobohan data.	2 (3.3)	-	1 (1.7)	12 (20.0)	45 (75.0)	4.63	Tinggi
4.	Saya tahu bahawa maklumat yang dikongsi secara berlebihan di media sosial boleh disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.	1 (1.7)	-	1 (1.7)	12 (20.0)	46 (76.7)	4.70	Tinggi
5.	Saya tahu bahawa <i>sharenting</i> boleh menyumbang kepada masalah sosial seperti jenayah seksual oleh pedofilia.	2 (3.3)	1 (1.7)	5 (8.3)	10 (16.7)	42 (70.0)	4.48	Tinggi
6.	Saya tahu bahawa <i>sharenting</i> boleh menyumbang kepada masalah sosial seperti jenayah penculikan.	2 (3.3)	-	3 (5.0)	10 (16.7)	45 (75.0)	4.60	Tinggi
7.	Saya tahu bahawa perkongsian gambar atau video secara berlebihan berkaitan kanak-kanak boleh disalah gunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.	1 (1.7)	-	1 (1.7)	10 (16.7)	48 (80.0)	4.73	Tinggi
8.	Saya tahu bahawa <i>sharenting</i> boleh membawa ke arah pengesploitasi kanak-kanak.	1 (1.7)	-	4 (6.7)	11 (18.3)	44 (73.3)	4.62	Tinggi
9.	Saya tahu bahawa kanak-kanak tidak sepatutnya bekerja di awal usia.	1 (1.7)	-	1 (1.7)	10 (16.7)	48 (80.0)	4.73	Tinggi
10.	Saya tahu bahawa <i>sharenting</i> boleh memberi kesan psikologi kepada kanak-kanak.	1 (1.7)	-	9 (15.0)	11 (18.3)	39 (65.0)	4.45	Tinggi
11.	Saya tahu bahawa <i>sharenting</i> boleh membuka ruang kanak-kanak akan dibuli secara fizikal atau mental mahupun di alam maya.	1 (1.7)	1 (1.7)	6 (10.0)	13 (21.7)	39 (65.0)	4.47	Tinggi
Min Keseluruhan							4.59	Tinggi

Sumber: Soal Selidik Muaz (2024)

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, tahap pengetahuan ibu bapa terhadap kesan sharenting berada pada tahap tinggi dengan min keseluruhan 4.59. Skor min yang diperolehi bagi kesemua 11 item adalah antara 4.45 hingga 4.73 yang membuktikan bahawa secara umumnya ibu bapa sedar akan implikasi amalan sharenting terhadap kanak-kanak. Item 7 dan 9 masing-masing merekodkan skor min tertinggi iaitu 4.73. Item 7 menekankan kesedaran bahawa perkongsian gambar atau video kanak-kanak secara berlebihan boleh disalahgunakan oleh pihak

tidak bertanggungjawab manakala Item 9 menegaskan bahawa kanak-kanak tidak boleh bekerja di awal usia kerana mereka mempunyai hak asasi yang perlu dipelihara. Item kedua tertinggi ialah Item 4 yang berkaitan kesedaran bahawa maklumat yang dikongsi secara berlebihan di media sosial boleh disalahgunakan dengan skor min yang diperolehi adalah 4.70. Item 10 pula mencatatkan skor min terendah iaitu 4.45. Namun begitu, tahap pengetahuan responden bagi item ini masih tergolong dalam kategori tinggi sekali gus menunjukkan bahawa masih terdapat segelintir ibu bapa yang kurang menyedari kesan psikologi yang boleh dialami oleh kanak-kanak akibat sharenting.

Dari aspek taburan jawapan, Item 1 dan 2 yang berkaitan dengan penyakit 'ain mendapat sokongan majoriti responden dengan masing-masing 39 dan 43 responden memilih sangat setuju diikuti 13 responden yang memilih setuju bagi kedua-dua item tersebut. Abū al-Faḍl Ahmad ibn Hajar al-'Asqalānī menyatakan bahawa penyakit 'ain adalah merupakan penyakit yang datang daripada pandangan mata yang disertai kekauguman serta sifat hasad kerana memiliki tabiat jahat dan menyebabkan orang yang dipandang itu mendapat kemudahan (Khadzali & Ahmad 2020).

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian kecil responden yang memilih kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Item 3 dan 4 yang menyentuh tentang ancaman keselamatan kanak-kanak dan penyalahgunaan maklumat menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi apabila 45 responden memilih sangat setuju untuk Item 3 dan 46 responden memilih sangat setuju untuk Item 4. Hanya sebilangan kecil responden yang memilih kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju dan membuktikan bahawa isu keselamatan menjadi antara keutamaan yang diakui oleh ibu bapa dalam konteks sharenting. Ibu bapa yang sepatutnya menjadi ejen utama memberikan kesedaran tentang keselamatan siber kepada anakanak, kini menjadi faktor penyumbang kepada ancaman siber terhadap anakanak (Anis Suhaiza 2019).

Seterusnya, Item 5 dan 6 yang berkaitan kesan sharenting terhadap masalah sosial seperti jenayah seksual dan penculikan turut memperlihatkan tahap pengetahuan yang tinggi. Bagi Item 5, seramai 42 responden memilih sangat setuju dan 10 responden setuju, manakala selebihnya memilih kurang setuju, tidak setuju atau sangat tidak setuju. Item 6 pula menunjukkan tahap persetujuan yang lebih tinggi dengan 45 responden memilih sangat setuju dan 10 responden setuju, serta hanya segelintir yang kurang setuju atau sangat tidak setuju. Data ini membuktikan bahawa majoriti responden sedar akan risiko besar sharenting yang boleh membuka ruang kepada penjenayah, sama ada pedofilia mahupun penculik, untuk mengambil kesempatan terhadap kanak-kanak

melalui maklumat yang didedahkan oleh ibu bapa sendiri di media sosial. Ini kerana penjenayah boleh mengakses gambar yang dikongsi oleh ibu bapa, memuat turun, mengubah, dan kemudiannya dikongsi dalam laman web yang biasa digunakan oleh pedofilia (Stacey 2017).

Akhir sekali, Item 8 dan 9 yang menekankan isu eksploitasi kanak-kanak turut mendapat tahap persetujuan yang amat tinggi, dengan 55 responden menyokong Item 8 dan 58 responden menyokong Item 9. Kedua-dua item ini memperoleh nilai min yang tinggi iaitu 4.62 dan 4.73 yang mana ia jelas menunjukkan bahawa ibu bapa sedar tentang bahaya eksploitasi kanak-kanak yang boleh berlaku akibat perkongsian berlebihan. Hal ini bertepatan dengan kajian Salsabila & Nindita Fajria (2023) yang menjelaskan bahawa sharenting merupakan fenomena yang boleh membawa kepada eksploitasi kanak-kanak di media sosial.

Sementara itu, Item 10 dan 11 yang berkaitan kesan psikologi kepada kanak-kanak menunjukkan 39 responden memilih sangat setuju pada kedua-duanya dengan sebahagian yang lain memilih setuju, kurang setuju, tidak setuju atau sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun tahap pengetahuan ibu bapa tinggi secara keseluruhannya, masih terdapat ibu bapa yang kurang memberi perhatian terhadap kesan psikologi jangka panjang sharenting seperti hilang keyakinan diri dan risiko menjadi mangsa buli. Sharenting boleh memberikan kesan buruk kepada psikologi kanak-kanak apabila meningkat dewasa, terutamanya apabila perkongsian yang dibuat adalah berkaitan maklumat peribadi yang negatif seperti masalah kesihatan, pembelajaran, perlakuan dan perkara yang memalukan mereka (Anis Suhaiza 2019).

Keseluruhan data ini secara jelas membuktikan bahawa ibu bapa tahu dan sedar akan pelbagai implikasi negatif sharenting terhadap anakanak kerana kebanyakannya memperoleh nilai min yang tinggi dan interpretasi menunjukkan tahap pengetahuan adalah tinggi

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Jika diperhatikan dalam dapatan kajian ini, kesemua item berada di tahap interpretasi tinggi. Namun terdapat item yang mendapat skor min terendah (4.45) iaitu item 'Saya tahu bahawa sharenting boleh memberi kesan psikologi kepada kanak-kanak.' Begitu juga item terakhir yang mendapat kedua terendah (4.47) yang merupakan item berkenaan kesan psikologi kepada kanak-kanak iaitu 'Saya tahu bahawa sharenting boleh membuka ruang kanak-kanak akan dibuli secara fizikal atau mental mahupun di alam maya'. Melihatkan kepada kedua-dua item ini adalah daripada kategori pernyataan yang sama dan keduanya adalah item terendah (4.45-4.47), maka

pengkaji berpendapat bahawa berkemungkinan beberapa orang responden tidak tahu bahawa perbuatan sharenting mampu memberi kesan kepada psikologi kanak-kanak.

Secara hakikatnya, perkara ini secara tidak langsung memberikan impak negatif kepada psikologi mereka. Perkongsian mengenai kanak-kanak secara berlebihan khususnya perkongsian mengenai perkara yang memalukan mereka pasti menyumbang kepada perasaan yang tidak enak kepada kanak-kanak tersebut seterusnya akan mengganggu mental mereka. Pendedahan terhadap kanak-kanak secara bebas boleh mendorong kepada adanya komentar-komentar daripada setiap yang melihat perkongsian tersebut. Permasalahan akan timbul apabila wujudnya komen yang negatif di mana pada akhirnya keyakinan dan harga diri kanak-kanak ini akan terkesan oleh ulasan negatif yang ditinggalkan di ruangan komentar (Marasli et al. 2016).

Seandainya mereka kehilangan jati diri mereka, hal ini mengakibatkan mereka akan mudah dibuli atau diganggu oleh rakan-rakan sewaktu di tempat belajar seperti sekolah dan sebagainya. Sharenting boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut terdedah kepada perlakuan buli dan dipersenda oleh rakan-rakan (Amira Nur Diana & Safinaz 2020). Sebagaimana yang dinyatakan juga oleh Lee Jia Wen et al. (2022), terdapat kajian yang menunjukkan 55% ibu bapa berkongsi dan mendedahkan maklumat memalukan anak-anak mereka di media sosial dan ini menjejaskan perkembangan jati diri anak-anak. Maka, inilah yang dikatakan sebagai sharenting memberikan kesan kepada psikologi kanak-kanak.

Seluruh bahagian ini dengan jelas menggambarkan bahawa ibu bapa memiliki kesedaran yang mendalam serta pengetahuan yang tinggi (4.59) mengenai kesan perlakuan sharenting terhadap hak kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat melalui nilai interpretasi yang tinggi bagi semua item yang dibina. Walaupun terdapat sedikit perbezaan nilai antara item-item tersebut, namun ia tetap berada pada tahap interpretasi tinggi. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh segelintir responden yang kurang memahami dan mengetahui sesetengah item yang kemudiannya mempengaruhi nilai skor min keseluruhan. Namun begitu, secara keseluruhannya, tahap pengetahuan ibu bapa terhadap implikasi trend sharenting adalah sangat memberangsangkan sekaligus membuktikan bahawa mereka peka dan sedar akan kesan-kesan negatif yang mungkin timbul akibat perlakuan tersebut.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa ibu bapa mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang implikasi trend sharenting terhadap kanak-kanak. Mereka sedar bahawa perkongsian berlebihan gambar atau maklumat anak di media sosial boleh membawa kesan negatif dari aspek keselamatan, privasi dan maruah. Malahan, ia turut menunjukkan kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan melindungi hak kanak-kanak dalam era digital. Namun begitu, trend ini semakin

hari semakin meningkat meskipun hasil kajian mendapati tahap pengetahuan responden adalah tinggi. Oleh yang demikian, isu ini perlu diperluas dan diperbincangkan secara meluas agar lebih ramai ibu bapa peka terhadap isu ini. Pihak berkepentingan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak, SUHAKAM perlu memainkan peranan penting dan proaktif melalui kempen kesedaran yang berterusan. Usaha ini penting bagi menekankan risiko sharenting dan mendorong ibu bapa lebih berhati-hati serta bertanggungjawab dalam membuat keputusan berkaitan pendedahan anak mereka secara dalam talian. Dengan langkah ini, amalan sharenting dapat diminimumkan dan hak serta kesejahteraan kanak-kanak lebih terjamin.

RUJUKAN

- Amira Nur Diana, Amir Hamzah & Safinaz, Mohd Hussein. 2020. Kesan Sharenting Kepada Kanak-Kanak Dan Implikasinya Terhadap Hak Privasi Kanak-Kanak Di Malaysia (The Effects Of Sharenting On Children And Its Implications On A Child's Privacy Rights In Malaysia).
- Anis Shuhaiza, Md Salleh, Aima Nabila, Muhammad Azhar, Nor Azlina, Mohd Noor, Yusramizza, Md Isa & Siti Azura, Bahadin. 2024. Mengkang Impak Negatif Sharenting: Satu Kajian Tentang Keterlibatan Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan Ketika Pandemik COVID-19. *UUM Journal of Legal Studies*. 15(1):303-327.
- Conti, Maria Giulia, Del Parco, Fabiola, Pulcinelli, Francesca Maria, Mancino, Enrica, Petrarca, Laura, Nenna, Raffaella, Di Mattia, Greta, Matera, Luigi, La Regina, Domenico Paolo & Bonci, Enea. 2024. Sharenting: characteristics and awareness of parents publishing sensitive content of their children on online platforms. *Italian Journal of Pediatrics*. 50(1):135.
- Davis, Matthew M, Clark, Sarah J, Singer, Dianne C, Hale, K, Matos-Moreno, A & Kauffman, AD. 2015. Parents on social media: Likes and dislikes of sharenting. *CS Mott Children's Hospital, University of Michigan Health System*. 23(2):187.
- Kemp, Simon. 2024. Digital 2024: Malaysia. <https://datareportal.com/reports/digital-2024-malaysia>
- Khadzali, Mohamad Khairul Faiz Mohd & Ahmad, Khadher. 2020. Penyakit 'Ain dalam Perspektif Hadith dan Masyarakat Melayu: Evil Eye in Hadith and Malay Society Perspective. *Jurnal Usuluddin*. 48(2):133-173.
- Latipah, Eva, Kistoro, Hanif Cahyo Adi, Hasanah, Fitriah Fauziah & Putranta, Himawan. 2020. Elaborating motive and psychological impact of sharenting in millennial parents.
- Leckart, Steven. 2012. The Facebook-Free Baby. *The Wall Street Journal*. <https://www.wsj.com/articles/SB001424052702304451104577392041180138910>
- Lee Jia Wen, Crendy Tan & Saroja Dhanapal. 2022. The trend of sharenting among Malaysian parents: A

- qualitative study on their content and motivation. *Int. J. Public Health Sci.(IJPHS)*. 11:310-319.
- Likert, Rensis. 1932. A technique for the measurement of attitudes. *Archives of Psychology*.
- Marasli, Muge, Suhendan, Er, Yilmazturk, Nergis Hazal & Cok, Figen. 2016. Parents' shares on social networking sites about their children: Sharenting. *The Anthropologist*. 24(2):399-406.
- Muhammad Adnan Pitchan, Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong & Akmar Hayati Ahmad Ghazali. 2017. Analisis Keselamatan Siber Dari Perspektif Persekitaran Sosial: Kajian Terhadap Pengguna Internet di Lembah Klang. *e-BANGI Journal*. 12(2).
- Nor Azah Abdul Aziz. 2009. Internet, Laman Web Pornografi dan Kaedah Psikospiritual Islam dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi. *Jurnal Usuluddin*. 29:147-169.
- Putu Inten Kurniari, Desi Yoanita & Lady Joanne Tjahyana. 2021. Analisis Isi Aktivitas Sharenting Yang Dilakukan Oleh Single Mothers di Instagram. *Jurnal E-Komunikasi*. 9(2).
- Ridaul Maghfiroh. 2023. Inovasi Manajemen Dakwah sebagai Pendekatan Dakwah Islam pada Generasi Milenial di Desa Trahan Kabupaten Rembang. *Jurnal Exact: Journal of Excellent Academic Community*. 1(2):53-67.
- Salsabila, Firdaus Sardin & Nindita Fajria, Utami. 2023. Pengaruh Media Sosial Terhadap Praktik Sharenting Yang Berujung Eksploitasi Pada Anak. *Jurnal Entitas Sosiologi*. 12(1):14-23.
- Steinberg, Stacey B. 2016. Sharenting: Children's privacy in the age of social media. *Emory Lj*. 66:839.

Journal of Contemporary **ISLAMIC LAW**

Volume: 10 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2025



Published by:
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X



9 770127 788006

KANDUNGAN / CONTENTS

Hukum Memakan Hamster Menurut Pandangan Empat Mazhab <i>The Ruling on Eating Hamsters According to the Perspectives of the Four Madhhabs</i> Nur Anis Nadhira Azhar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	1-8
Aplikasi Fatwa Kontemporari Terhadap Produk Makanan Moden <i>The Application of Contemporary Fatwas on Modern Food Products</i> Nur Aqila Mohd Zahari, Nur Ain Nabihah Nasharuddin, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	9-19
Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah dan Beretika: Satu Tinjauan Literatur <i>Buy Now Pay Later (BNPL) as a Shariah-Compliant and Ethical Spending Mechanism: A Literature Review</i> Nurlailatul Akma Abu Bakar, Ahmad Dahlan Salleh	20-28
الزكاة كأداة استراتيجية لتحقيق التنمية المستدامة في سلطنة عُمان: نحو تكامل اقتصادي واجتماعي مع رؤية عُمان ٢٠٤٠ <i>Zakat as a Strategic Tool for Achieving Sustainable Development in the Sultanate of Oman: Towards Economic and Social Integration with Oman Vision 2040</i> Badriya Ahmed Mahmood Al Rawahi, Nurul Ilyana Muhd Adnan & Mohammad Zaini Yahaya	29-36
Implikasi Fenomena Childfree terhadap Keseimbangan Generasi: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam <i>Implications of the Childfree Phenomenon on Generational Balance: A Review from an Islamic Perspective</i> Maizatul Aliya Hairunnizam, Wafaa' binti Yusof	37-46
Impak Jenayah Merempit Menurut Perundangan Sivil dan Perspektif Hukum Islam <i>The Impact of Illegal Street Racing under Civil Law and the Perspective of Islamic Jurisprudence</i> Wan Nur Adlin Sofiya Wan Muhammad Azan & Wafaa' Yusof	47-61
Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Kesan Trend Sharenting Kepada Kanak-kanak di Lembah Klang, Malaysia <i>Level of Parents' Knowledge on The Impact of Sharenting Trend towards Children in Lembah Klang, Malaysia</i> Abdul Muaz bin Mustaffa & Nurbazla Ismail	62-70
Microcredit Berasaskan Dana Wakaf Tunai <i>Microcredit Based on Cash Waqf Funds</i> Mohammad Zaini Yahaya, Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, Muhammad Adib Samsudin	71-82
Harmonising Shariah Principles on Debt Recovery Practices of Islamic Banks with Regulations Related to Authorised Debt Management Agency in Malaysia Uzaimah Ibrahim, Safinar Salleh, Muhammad Zuhaili Muda & Mohammad Hafiz Mohd Zaki	83-91

Inovasi dan Variasi Produk Hibah dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia <i>Innovations and Diversification of Hibah Instruments in Islamic Estate Planning in Malaysia</i> Nurul Huda Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said & Mohd Zamro Muda	92-103
Peruntukan Undang-undang terhadap Kesalahan Persetubuhan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja Muslim: Isu dan Cabaran <i>Legal Provisions on Unlawful Sexual Intercourse Among Muslim Adolescents: Issues and Challenges</i> Nur Aina Abdulah, Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Mashitah Abdul Mutalib, & Nurul Ain Hazram	104-109